

Kestabilan Ekonomi dan Cabaran Masyarakat Pengguna



Barjoi Bardai

Masyarakat Malaysia dilanda isu ketidakstabilan politik sejak tahun 2018 setelah keputusan Pilihan raya Umum (PRU) ke-14 diumumkan. Kerajaan bertukar tangan sebanyak empat kali hingga PRU ke-15 berlangsung. Keputusan PRU ke-15 di Malaysia kebetulan hampir menyamai keputusan PRU ke-14.

Keadaan begitu tidak selesa kerana realiti yang jauh dari pengharapannya. Akhirnya, penyelesaian diperolehi dengan penubuhan kerajaan perpaduan yang menggabungkan lebih daripada enam parti politik dalam satu bentuk kerajaan dengan lebih daripada 135 buah kerusi yang merupakan jumlah majoriti, dua pertiga - satu tahap pencapaian yang sangat diharapkan untuk mewujudkan kerajaan yang kukuh, mantap dan stabil.

Kini, definisi baharu kemantapan politik tidak lagi merujuk jumlah wakil parti yang memenangi pilihan raya dan memenuhi keperluan majoriti undi di Dewan Rakyat. Lebih-lebih lagi, dengan penguasaan dua pertiga undi untuk mengawal Dewan Rakyat dalam keputusan penting politik, kestabilan dilihat satu penyelesaian krisis yang dalam.

Kini, rakyat dan kerajaan mula mendebatkan dan memperincikan isu ekonomi dan kestabilan ekonomi sebagai satu kriteria dalam kerajaan baharu ini. Namun begitu, apakah definisi "ekonomi yang stabil"? Apakah "ekonomi yang stabil" merujuk pencapaian dalam mengimbangi perbelanjaan kerajaan dan pendapatan kerajaan? Atau apakah "ekonomi yang stabil" merujuk kestabilan keluaran dalam negara kasar (KDNK) atau penjualan eksport yang jauh tinggi berbanding dengan belian import? Atau, adakah "ekonomi yang stabil" merujuk kestabilan kadar pertukaran, kadar pengangguran, kadar inflasi, dan kestabilan jumlah bekalan wang dalam pasaran? Atau, mungkin "ekonomi yang stabil"

merujuk kestabilan pelaburan asing atau pelaburan tempatan?

Definisi Baharu Kestabilan

Hari ini kita disogok dengan kepentingan yang berubah sebagai asas kemajuan. Oleh itu, sistem ekonomi dan sosial juga perlu berubah dengan mengambil kira perubahan persekitaran. Perubahan dianggap satu-satunya faktor terpenting dalam ekonomi. Jika sebuah negara itu tidak sanggup melakukan perubahan dalam ekonomi, negara itu akan dianggap kuno dan rapuh.

Apakah perubahan yang perlu dilakukan? Tentunya, dengan perubahan persekitaran, banyak aspek yang perlu diubah untuk menjadikan sesebuah negara itu terus terkecapan dalam ekonomi dan kehidupan. Apabila ekonomi sentiasa bergerak ke depan, rakyat akan merasakan kesannya dalam bentuk kestabilan kesejahteraan hidup.

Ekonomi Malaysia yang Terus Dinamik

Ekonomi Malaysia sebenarnya dilihat sangat dinamik dengan perubahan yang berlaku secara berterusan untuk mengadaptasi kaedah pembangunan mengikut perubahan persekitaran.

Perubahan ini bermula pada zaman penjajah dari Eropah yang memperkenalkan perubahan dan membawa aktiviti ekonomi baharu yang cepat yang menyumbang



kepada kadar pertumbuhan ekonomi.

Ekonomi Tanah Melayu bermula dengan perwujudan pengeluaran dalam industri utama, iaitu perladangan getah, kelapa sawit. Perlombongan besi dan bijih timah menjadi asas ekonomi pada tahun 1950-an hingga tahun 1970-an. Perwujudan

skim Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau Federal Land Development Authority (FELDA) yang melibatkan lebih daripada sejuta peneroka menjadi penggenap kepada syarikat milik penduduk di negara penajah.

Kemudian, arah ekonomi negara kita berubah secara besar-besaran apabila peluang


untuk menjadi pengilang dan pengeluaran muncul daripada pelaburan asing secara sukarela, iaitu dari Jepun, Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK). Malaysia menjadi pengeluaran cip penyaman udara, penyaman udara dan kipas elektrik yang besar di dunia. Ekonomi Malaysia terus berubah apabila kerajaan mula melihat industri yang dianggap bersih dan lestari. Kini, Malaysia menjadi pengeluaran panel suria yang terbesar di dunia untuk pasaran eksport.

Pada yang sama, sektor perkhidmatan dibuka secara meluas untuk mengeksploitasi peluang baharu dalam industri perkhidmatan, khususnya industri rantaian pengangkutan penghantaran dan perkhidmatan pelanggan. Industri pelancongan ialah industri baharu yang diwujudkan untuk membawa perpindahan ekonomi daripada pergantungan kepada perkilangan kepada industri pelancongan yang bersih tanpa pencemaran alam.


Industri pelancongan dipecahkan menjadi perkhidmatan budaya dan cara hidup, pelancongan pendidikan, industri pelancongan kesihatan, dan industri pelancongan khusus. Industri ini menonjolkan potensi dan kepentingan sektor perkhidmatan sebagai pemacu utama ekonomi negara sejak sedekad atau dua dekad lalu.

Kini, Malaysia berada di titik tolak baharu yang memerlukan satu inisiatif baharu untuk dilakukan bagi memperkukuh ekonomi. Apakah yang masih tidak kukuh di Malaysia? Malaysia sebenarnya mengalami zaman gemilang dalam tempoh 60 tahun hingga 70 tahun yang lalu dengan kadar pertumbuhan yang tinggi dan berterusan selama beberapa dekad. Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa atau International Monetary Fund (IMF) menggelarkan Malaysia "Negara yang luar biasa pertumbuhannya" dari tahun 1983 hingga 2021.


Kini, ekonomi dunia, termasuklah Malaysia sedang berhijrah secara pantas ke Revolusi Perindustrian



Rajah 1 Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia 1960 – 2021.



Rajah 2 Kitaran Perniagaan.



Rajah 3 Unjuran Pertumbuhan Ekonomi

(Sumber: Rajah 1, Rajah 2 dan Rajah 3 data diproses daripada statistik Jabatan Perdana Menteri Malaysia (sebelum bulan November 2022)).

Keempat (IR 4.0) yang mengubah tumpuan daripada perkilangan dan perkhidmatan fizikal kepada perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang memerlukan negara untuk melabur secara serius bagi menaik taraf semua sumber ekonomi untuk dimobilisasikan dalam persekitaran baharu IR 4.0 ini.

Dunia berubah dengan peningkatan dalam kecekapan menggunakan perhubungan TMK untuk menjadikan manusia dan mesin berkomunikasi, mesin dengan mesin juga berupaya melaksanakan bantuan perkhidmatan logistik dan kerjasama untuk menyelesaikan tugas khusus. Sistem Internet benda (Internet of things (IoT)), robotik, kecerdasan buatan, pencetak 3-D, teknologi dron, dan kereta tanpa pemandu akan mengubah cara hidup dan bentuk perniagaan pada masa depan.

Apakah kumpulan pekerja secara keseluruhan sudah bersedia untuk menerokai dunia digital dan persekitaran IR 4.0 ini? Dijangkakan lebih daripada 70% jenis pekerjaan, khususnya yang berkaitan dengan kumpulan

pekerja pada hari ini tidak lagi diperlukan perkhidmatannya apabila persekitaran IR 4.0 diterapkan sepenuhnya dalam ekonomi.

Kumpulan pekerja tidak berkemahiran yang jumlahnya hampir 60% daripada jumlah warga pekerja di Malaysia perlu keluar dari kepompong untuk menjalani latihan intensif berkaitan dengan kemahiran dalam persekitaran dan industri IR 4.0. Apakah yang akan terjadi jika mereka tidak mahu atau gagal menjalani latihan yang berkesan? Mereka mungkin terpaksa menunggu sama ada diberhentikan kerja ataupun tidak cukup relevan untuk terus bekerja dalam industri.

Kadar gaji dan upah yang diasaskan pada produktiviti pekerja di Malaysia, dilihat mendarat kerana kadar kemahiran yang rendah. Banyak kumpulan pekerja yang tidak didedahkan dengan teknologi yang dapat melonjakkan tahap pengeluaran dan produktiviti mereka secara keseluruhan.

Kumpulan pekerja juga tidak banyak didedahkan

dengan kemahiran “mata hati” seperti kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual (keagamaan), kecerdasan kreatif dan inovatif, dan kecerdasan keusahawanan. Kesemua kecerdasan ini akan meningkatkan keupayaan menyeluruh pasukan pengurusan dan pekerja dalam sesebuah organisasi. Hal ini memerlukan satu kaedah yang jitu, iaitu melalui pendekatan ganjaran dan hukuman (*stick and carrot approach*) untuk membawa kumpulan ini bersama-sama di organisasi yang berkaitan.

Pusingan Ekonomi dan Kestabilan Ekonomi

Peri pentingnya mengambil kira pusingan ekonomi dalam menguruskan ekonomi dibuktikan sejak zaman Nabi Yusuf. Sebuah sistem ekonomi tidak boleh terus meningkat tanpa had. Sistem ekonomi akan mengalami tempoh pusingan peningkatan dan penurunan. Kebiasaannya, peningkatannya adalah dalam tempoh lima tahun. Tempoh penurunannya pula adalah dalam tempoh lima tahun berikutnya.





Kenaikan Harga Barang dan Kos Sara Hidup

Malaysia sudah keluar daripada kegawatan sejak bulan Oktober 2021. Namun begitu, keadaannya berbeza di AS dan Eropah. Mereka cuba mengelakkan gejala kegawatan sebelumnya, tetapi akhirnya terjerat dalam kegawatan disebabkan oleh krisis antara Rusia dengan Ukraine. Krisis tersebut meningkatkan kos bahan bakar – minyak dan gas melambung tinggi.

Krisis yang meluas itu menyaksikan inflasi melambung di AS dan di kebanyakan negara Eropah, termasuklah UK yang melebihi 10%. Kos sara hidup menjadi sangat tinggi dan dijangkakan berpuluh juta orang penduduk di negara-negara tersebut akan sangat terjejas.

Sebagai sebuah negara yang amat terbuka dalam perdagangan antarabangsa, Malaysia pastinya akan turut terjejas. Malaysia mengeksport lebih daripada 80% pengeluaran industri, termasuklah barangan elektrik dan elektronik, minyak sawit, minyak, dan gas. Dalam hal ini, Malaysia berkemungkinan akan mendapat faedah tak langsung daripada kenaikan harga dengan nilai eksport yang melambung.

Pada masa yang sama, Malaysia mengimport lebih daripada 80% keperluan negara dari AS, Eropah, China, dan Singapura. Selain bahan mentah industri, bahan keperluan industri seperti pembinaan, perkilangan dan TMK, Malaysia

Adakah keadaan ini menjadikan ekonomi tersebut tidak stabil? Tentunya tidak! Kestabilan wujud kerana penganalisis ekonomi dan pengurus sistem ekonomi berupaya meramalkan tempoh naik dan turun ekonomi ini. Hal ini membolehkan mereka mengelakkan kegawatan ekonomi yang serius dan mengambil peluang untuk melonjakkan ekonomi semasa pasaran saham meningkat.

Turun naik ekonomi perlu dilihat sebagai fenomena semula jadi yang perlu dianggarkan masanya, dan perlu diambil kira dalam perancangan ekonomi. Para pengguna dan pengurus ekonomi perlu melihat kegawatan ekonomi sebagai satu cabaran biasa dalam ekonomi dan perlu diatasi dengan jayanya.

Satu kemahiran yang sangat penting kepada pengurusan ekonomi dan pengguna ialah kemahiran menelah atau mengunjurkan arah pertumbuhan ekonomi pada masa depan. Penelahan akan dibuat berasaskan kajian tentang sejarah sistem ekonomi tersebut, dan mengambil kira perubahan baharu yang sedang berlaku dan terkini. Kebolehan menelah arah dan hala tuju ini hanya memerlukan setiap orang memahami fenomena ini, dan mengambil kira fenomena ini untuk membuat keputusan dan merancang pembangunan negara.

Malaysia mengalami lebih daripada tujuh pusingan ekonomi dalam tempoh

pembangunan ekonomi yang pesat dari tahun 1960 hingga 2020. Pertumbuhan yang pesat dalam tempoh turun naik dalam ekonomi dilihat sebagai kestabilan. Hal ini demikian kerana pusingan ekonomi yang agak konsisten dan berkait.

Kini, kita perlu melanjutkan arah pertumbuhan ekonomi ini dengan menyediakan pula ramalan pertumbuhan ekonomi bagi satu tempoh yang panjang pada masa akan datang agar dapat digunakan sebagai asas untuk merancang ekonomi masa depan.

Berdasarkan rajah unjuran pertumbuhan ekonomi yang dipaparkan, kita perlu cuba memanfaatkan ramalan ini dalam perancangan ekonomi diri, keluarga, komuniti, dan seluruh negara. Setiap titik pada kelok yang turun naik itu, kita boleh memanfaatkannya dengan melihat peluang untuk mendapatkan keuntungan. Misalnya, apabila ekonomi mula menurun, kita perlu bersedia untuk membuat pelaburan dalam saham pelaburan. Apabila ekonomi sampai pada tahap kegawatan, itulah peluang terbaik untuk membeli hartanah. Apabila ekonomi sedang menunjukkan arah menaik, kita akan bersedia untuk menjual semula saham pelaburan kita. Apabila ekonomi memuncak, inilah masa terbaik untuk menjual hartanah. Dalam tempoh ini juga, kita perlu menyimpan wang sementara menunggu masa yang sesuai untuk membuat pelaburan semula.

juga mengimport lebih daripada RM65 bilion makanan. Inilah isu yang paling genting. Dijangkakan harga barang makanan import akan melambung tinggi. Hal ini demikian kerana kenaikan harga di negara pembekal kesan daripada kenaikan kos pengeluaran, termasuklah minyak dan gas.

Keadaan menjadi lebih sulit disebabkan oleh kadar pertukaran ringgit Malaysia (RM) dengan dolar Amerika (USD) (sebagai mata wang perdagangan antarabangsa) agak lemah. Hal ini disebabkan oleh permintaan ke atas USD di seluruh dunia yang terus meningkat disebabkan oleh kadar dasar semalaman (overnight policy rate (OPR)) di AS yang terus meningkat.

RM sebagai mata wang kecil tempatan agak lemah permintaannya. Walaupun permintaan RM agak besar disebabkan oleh jumlah eksport, Malaysia juga menggunakan mata wang USD untuk mengimport, yang turut meningkat dengan banyak. Oleh itu, harga barangan import dijangka akan meningkat secara mendadak disebabkan oleh kesan kenaikan harga barangan import dan kadar pertukaran RM dengan USD yang lemah.

Sebagai pengguna, kita perlu berhati-hati apabila membeli barangan import. Hal ini demikian kerana kenaikan harga yang tinggi boleh menjejaskan belanjawan bulanan kita. Sememangnya, kerajaan sudah menjanjikan bahawa harga barangan akan diturunkan. Namun begitu, cabaran untuk menurunkan harga sangat getir. Kerajaan juga terpaksa menangani aktiviti kartel yang sentiasa ingin memaksimumkan keuntungan.

Apakah yang boleh dilakukan oleh pengguna dalam hal ini? Pengguna boleh bersikap proaktif dengan menjadi lebih berhemat dalam berbelanja. Pengguna juga boleh mempamerkan kuasa pengguna secara berkumpulan. Perwujudan jaringan hubungan membolehkan pengguna, berkongsi aras harga di setiap kawasan bandar dan desa melalui

aplikasi WhatsApp, mengambil tindakan berkumpulan terhadap peniaga yang tamak dan mengutamakan keuntungan yang besar, menjadi pembekal barangan tertentu yang mudah ditanam, mudah didapati di sesebuah kawasan dan aktiviti lain yang boleh meredakan tekanan harga ini.


Tabiat makan di luar dan membeli makanan siap dimasak umpamanya menyebabkan harga inflasi dan kos sara hidup meningkat dengan lebih cepat. Kegiatan ini boleh dikurangkan dan digantikan dengan kaedah makan bersama-sama dan juadah bawaan (*pot luck*), misalnya di surau; masjid dan tempat rekreasi. Apa-apa usaha yang berupaya mengurangkan tekanan perasaan kesan daripada kenaikan kos sara hidup boleh diusahakan bersama-sama.

Masyarakat pengguna di Malaysia perlu mempunyai pandangan terbuka tentang konsep dan prinsip kestabilan ekonomi. Kestabilan ekonomi bukan hanya berkaitan dengan kestabilan harga barang, kadar pertukaran asing, kadar pengangguran, tahap defisit belanjawan dan kadar pertumbuhan ekonomi.

Kestabilan ekonomi merujuk perjalanan sistem ekonomi

yang boleh diramalkan dan dianggarkan pada masa depan bagi membolehkan kita sebagai pengguna memanfaatkan ramalan perkembangan dalam persekitaran ekonomi ini untuk kemajuan diri, keluarga, komuniti, dan seluruh negara.

Kita perlu sentiasa bersikap positif dan memanfaatkan persekitaran yang ada di hadapan kita untuk mendapatkan yang terbaik daripada pertumbuhan sistem ekonomi kita. Kita tidak boleh merungut jika kita tidak mendapat apa-apa faedah daripada kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara ini jika kita tidak berusaha memahami sistem ekonomi ini dan mengaitkan diri kita dengan persekitaran ekonomi yang wujud bagi mendapat manfaat sepenuhnya.

Sistem ekonomi hanya satu persekitaran yang diwujudkan oleh Allah SWT sebagai ujian untuk kita manfaatkan. Jika kita rajin, berani dan bersikap reaktif terhadapnya, insya-Allah kita akan terus menerima hikmah dan ganjaran daripadanya. Wallahualam. 

Profesor Emeritus Dr. Barjoiyai Bardai, Profesor di Sekolah Perniagaan Siswazah, Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK).